



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**6 April 2018**

1. 17 Kucing mati makan kepala ayam; Harian Metro
2. 17 Kucing mati diracun; Berita Harian
3. Agih 800 anak itik pedaging; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Setempat</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="6"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
6 April 2018			

# 17 kucing mati makan kepala ayam

■ **Lelaki pelihara si bulus jalanan percaya haiwan diracun**

**Shahrinahr Latif**  
cnews@nstp.com.my

**Kuantan**

**"M**emang kelam individu yang sanggup lakukan perkara sebegini kepada kucing yang saya anggap seperti anak sendiri.

"Tak tahu nak gambarkan perasaan ketika ini...apa yang saya boleh katakan semoga perbuatan mereka ini mendapat pembalasan," buah Muhammad Nor Fiqry Zahari, selepas 17 kucing peliharaannya mati dipercayai akibat diracun di rumahnya di Lorong Seri Kuantan di sini.

Muhammad Nor Fiqry, 38, atau lebih dikenali sebagai Babah Conan yang memelihara kucing terbitan berka-ta, pada Selasa lalu dia tiada di rumah dan semua pintu serta pagar berketup.

Katanya, kira-kira 60 kucing peliharaannya berada di dalam rumah.

"Namun, sebaik saja saya pulang ke rumah, saya lihat sembilan kucing sedang mengerumuni sesuatu dan apabila saya mendekati...saya dapati ada kepala ayam.

"Saya tidak pernah bagi makan kucing kepala ayam. Saya ambil kepala ayam dan lihat ada cecair seperti bahan kimia.

"Kucing saya tidak makan kepala ayam, mungkin mereka menjilat cecair daripada kepala ayam berkenaan sehingga menyebabkan mereka diracun dan mati," katanya, semalam.

Dia kemudiannya segera membuang kepala ayam berkenaan sebelum memberi kucing minum air kelapa dan membasuh mulut haiwan berkenaan.

"Selepas itu, beberapa kucing mula nampak seperti keletihan dan tidak bermaya serta tidak mahu makan.

"Lima kucing mati semalam (Selasa) sebelum beberapa kucing lagi mati menjadikan jumlah keseluruhan kucingnya 17 ekor (yang masih) katanya.

Muhammad Nor Fiqry berkata, dia tidak tahu bagaimana kepala ayam berkenaan ada di kawasan rumah

anjam rumahnya walaupun pagar dan pintu dikunci dengan rapat.

Katanya, sehingga kini, masih terdapat kucing yang tidak bermaya dan dia terpaksa melepaskan semua kucing ke luar rumah bagi membolehkan mereka mengambil angin untuk pemulihan.

"Ini adalah kejadian pertama sejak saya membela kucing jalanan bermula 2016. Sebelum ini, kucing mati pun disebabkan penyakit saja," katanya sudah membela lebih 150 kucing.

Dia berkata, kejadian itu mengakibatkan dia hampir berputus asa untuk memberi perlindungan kepada kucing jalanan daripada maut meracung, membuat taman kucing.

"Saya memang sudah la-

ma rancang mewujudkan sebuah taman yang membolehkan orang ramai terutama kanak-kanak dapat bermain dengan kucing namun disebabkan kejadian ini saya berasa ralat sedikit.

"Buat masa ini saya hanya mahu merawat kucing yang masih sakit dan tidak akan mengambil kucing sama ada dikutip atau diberikan oleh orang ramai," katanya.



ANTARA kucing yang mati diracun selepas menjilat cecair kimia pada kepala ayam.




MUHAMMAD Nor Fiqry membeli kucing yang masih lemah.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Jenayah</b>	<b>M/SURAT:</b>	<input type="text" value="67"/>	
<b>PERKARA</b>			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
<b>TARIKH</b>			
6 April 2018			

# 17 kucing mati diracun

➔ Pemilik temui kepala ayam disalut cecair dalam rumah

Oleh Shahrinnahar Latib  
cnews@nstp.com.my

► Kuantan

**K**ejam, tidak berhati perut selepas melihat 17 kucing peliharaannya mati dipercayai diracun.

"Memang kejam individu yang sanggup lakukan perkara itu kepada kucing saya.

"Tak tahu nak gambarkan perasaan ketika ini dan apa yang saya boleh katakan semoga perbuatan mereka ini mendapat pembalasan sewajarnya," luah Muhammad Nor Fiqry Zahari, selepas melihat kucingnya mati akibat diracun di rumah di Lo-

rong Seri Kuantan, di sini.

Muhammad Nor Fiqry, 38, atau lebih dikenali sebagai Babah Conan berkata, Selasa lalu, dia tiada di rumah dan semua pintu serta pagar berkunci, manakala 60 kucing berada di dalam rumah.

"Sebaik saya pulang ke rumah, saya lihat sembilan ekor kucing sedang mengerumuni sesuatu dan mendapati ada kepala ayam.

"Saya tidak pernah bagi makan kucing kepala ayam. Saya ambil kepala ayam dan lihat ada cecair seperti bahan kimia.

"Kucing saya tidak makan kepala ayam, mungkin mereka menjilat cecair daripada kepala



Muhammad Nor Fiqry melihat kucingnya yang masih lemah dipercayai diracun di Lorong Seri Kuantan, Kuantan, semalam.

ayam berkenaan menyebabkan keracunan dan mati," katanya.

Muhammad Nor Fiqry kemudian membuang kepala ayam berkenaan sebelum memberi kucingnya minum air kelapa dan membasuh mulut haiwan berkenaan.

### Kucing tak bermaya

"Selepas itu, beberapa kucing mula keletihan dan tidak bermaya serta tidak mahu makan, saya tidak syak apa-apa lagi.

"Kucing saya mula mati bermula dengan lima ekor sejak semalam, sebelum beberapa ekor lagi mati sehingga ke hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan 17 ekor," katanya.

Muhammad Nor Fiqry berkata, dia tidak tahu bagaimana kepala ayam berkenaan ada di kawasan ruang tamu rumahnya, walaupun pagar dan pintu dikunci dengan rapi.

Katanya, sehingga kini masih terdapat kucing yang tidak bermaya dan dia terpaksa melepaskan semua kucingnya ke luar rumah bagi membolehkan mereka mengambil 'angin' untuk tujuan pemulihan.

"Ini adalah kali pertama kejadian seperti ini berlaku sejak saya membela kucing jalanan bermula 2016, sebelum ini mati pun disebabkan penyakit sahaja," katanya yang sudah membela lebih 150 ekor kucing.

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]



MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : AGRO</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="8"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input checked="" type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
4 April 2018			

**Mohd Rafi Mamat**  
rahfiana@metro.com.my

**AGIH 800 ANAK ITIK PEDAGING** 40 penerima dapat insentif ternak itik untuk jana pendapatan

**DR NORLIZAN**

Sekiranya percubaan pertama menternak itik yang diusahakan JPV ini menemui kejayaan, kita bercadang untuk meluaskan projek berkenaan dengan menambah jumlah ternakan secara berperingkat.

Projek ternakan itik yang diusahakan secara sambilan di kawasan rumah mampu menana pendapatan sampingan kepada masyarakat luar bandar terutama golongan wanita tidak bekerja. Selain telur yang dijadikan telur masin dan pelbagai jenis masakan, daging itik juga mendapat permintaan menggalakkan daripada pengguna.

Bagi menjayakan misi membantu masyarakat luar bandar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang tampi mengagihkan sebanyak 800 anak itik pedaging jenis maskobi kepada 40 penerima dari lima kampung tradisional di Dewan Undangan Negeri (DUN) Inderapura, Kuantan.

Pengarah JPV Pahang, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, bantuan kali pertama diperkenalkan itu sebagai usaha untuk menambah sumber pendapatan masyarakat luar bandar terutama bagi mereka yang mempunyai kebarangkalian.

Beliau berkata, menternak itik tidak memerlukan modal besar dan ia boleh dilakukan dalam kawasan rumah, golongan wanita tidak bekerja mampu menguruskan ternakan terbahat yang hanya memerlukan makanan secukupnya.

"Untuk berjaya menternak itik individu terbahat perlu mempunyai minat dan melakukan secara bersungguh-sungguh."

"Kita sedia memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada individu yang berminat menceburi bidang ternakan itik termasuk haiwan lain," katanya yang bercadang memperluaskan lagi bantuan ternakan itik ke daerah lain.

Beliau berkata demikian pada Program Feed Good Factors Inderapura yang diempunkan Penerima Jawatan Negeri Permatang.

dan Industri Asas Tani Pahang. Datuk Seri Shafiq Faizun Sharif di Dewan Orang Ramai Kampung Cherok Paloh, baru-baru ini.

Pada program yang julung kali diadakan itu seramai 40 penduduk lima kampung di kawasan DUN Inderapura menerima 20 anak itik pedaging jenis maskobi bersama lima kilogram makanan.

Dr Norlizan berkata, program bantuan anak itik akan terus namun bekalan anak itik yang terbahat oleh ladang pembiakan itik JPV di Ijuk. Selangor menjangkakan usaha membantu masyarakat luar bandar.

"Sekiranya percubaan pertama menternak itik yang diusahakan JPV ini menemui kejayaan, kita bercadang untuk meluaskan projek berkenaan dengan menambah jumlah ternakan secara berperingkat."

"Itik jenis pedaging bukan saja untuk dimakan dagingnya tetapi boleh menghasilkan telur apabila matang dan dalam tiga tahun setiap induk mampu menghasilkan 200 anak."

"Penernak mampu meraih pendapatan antara RM30 hingga RM50 sehari hasil jualan telur, jumlah itik boleh ditambah secara berperingkat apabila penernak mempunyai modal selain kawasan sesuai," katanya.

Penerima bantuan, Mokhtar Mohamad, 53 berkata, sebelum ini dia pernah menternak itik telur secara kecil-kecilan di kawasan rumah di Kampung Sungai Belat dan pengalamannya itu akan digunakan pada projek itik pedaging kali ini.

"Saya menempatkan itik di Kampung Penor supaya ia lebih selesa membesar dan membiak usaha menambah jumlah ternakan akan dilakukan sekiranya projek pertama itu berjaya."

"Menternak itik memerlukan minat dan kesungguhan, makanan yang secukupnya perlu diberikan setiap hari bagi memastikan pengeluaran telur tidak terjejas," katanya yang bertugas sebagai pemandu Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sementara itu, Roslina Ahmad Rani, 42, walaupun tidak ada pengalaman menternak itik namun dia yakin dapat melakukan selepas mendapat tunjuk ajar daripada pegawai JPV Pahang.

Katanya, bantuan 20 itik pedaging berumur sebulan bersama lima kilogram (kg) makanan diharap menjadi langkah pertama kepada pembaharuan dalam bidang ternakan di kawasan rumah.